



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM SUMBANG BAKUL MAKANAN DAN WANG TUNAI BANTU ARTIS VETERAN TERJEJAS AKIBAT PANDEMIK COVID-19

PUTRAJAYA, 29 DISEMBER 2020 – Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Seri Rina Mohd Harun hari ini telah menyampaikan sumbangan sebanyak 200 bakul makanan dan sumbangan wang tunai kepada ahli-ahli Persatuan Kebajikan Veteran Malaysia (PKAVM). Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) prihatin terhadap kebajikan artis veteran yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan akan terus mengamalkan prinsip tiada siapa yang ketinggalan dalam menikmati kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan.

“KPWKM bersetuju menjalinkan kolaborasi strategik bersama PKAVM dengan penglibatan secara aktif ahli-ahli PKAVM di kesemua Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) agar dapat membantu memantapkan serta menarik minat lebih ramai warga emas menyertai PAWE di seluruh negara.” tambah beliau.

Di samping itu, KPWKM menggalakkan penglibatan ahli-ahli PKAVM sebagai sukarelawan Kembara Prihatin Negara (KPN) 2020 yang berkonsepkan turun padang membantu mereka yang memerlukan. Kementerian juga turut menyediakan Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan (BKP) kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk persatuan melaksanakan aktiviti yang bersesuaian.

“KPWKM berharap kerjasama ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang, dan menyeru agar ahli-ahli PKAVM mengambil peluang ini untuk melaksanakan aktiviti yang bersesuaian dalam membantu ahli persatuan dan juga kumpulan sasar Kementerian.” ujar beliau.

-TAMAT-

**Unit Perhubungan Awam
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**
